

**Parlimen: Rang Undang-undang Perubatan (pindaan) 2012 Perkukuh Fungsi MPM
Bernama
13 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2012 dibentangkan Rabu bertujuan memperkukuh dan memperkasakan perkhidmatan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) serta mempertingkatkan pendaftaran dan kawal selia profesion perubatan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata pindaan yang dilakukan adalah untuk menambahbaik Akta Perubatan 1971 (Akta 50) berikutan jumlah pengamal perubatan dalam negara telah meningkat melebihi 35,000 pada masa ini.

Katanya, rang undang-undang itu mengandungi 42 fasal yang antara lain bertujuan memperjelaskan secara terperinci kuasa MPM termasuk dalam pengendalian sumber tenaga kerja, sumber kewangan serta penubuhan Kumpulan Wang MPM.

"Dengan adanya pindaan tersebut, diyakini MPM akan dapat menjalankan fungsi dengan lebih baik dan sempurna," katanya semasa membentangkan rang undang-undang itu buat kali kedua pada Persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Liow berkata pindaan lain bertujuan memperkenalkan rombakan kepada komposisi MPM yang mana wakil dari institusi pengajian tinggi awam ditetapkan kepada sembilan orang sahaja dan anggota yang dipilih dari Semenanjung ditingkatkan kepada 15 orang berbanding sembilan mengikut Akta 50 manakala anggota yang dipilih dari Sabah dan Sarawak kekal masing-masing seorang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672785>